Pendakwa Raya lwn Rajesh Khannah a/l Thirunathan

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45B-03–03 TAHUN 2016
MUHD JAMIL PK
19 FEBRUARI 2017

Undang-Undang Jenayah — Bunuh — Pertahanan persendirian — Tertuduh dituduh dengan tuduhan membunuh yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Sama ada kes prima facie di bawah s 302 Kanun dibuktikan — Sama ada pembelaan pertahanan persendirian dibuktikan — Kanun Keseksaan ss 300, 302 & 304(a) — Kanun Prosedur Jenayah s 158

Tertuduh telah dituduh atas kesalahan membunuh yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Walaubagaimanapun, di akhir kes pendakwaan, mahkamah mendapati pendakwa raya gagal membuktikan kes prima facie di bawah s 302 Kanun tetapi pendakwa raya telah berjaya membuktikan kes prima facie di bawah s 304(a) Kanun. Di peringkat kes pendakwaan, pendakwa raya telah mengemukakan keterangan ikut keadaan bahawa si mati di dalam kes ini iaitu Nagarajan a/l Krishnan telah pergi ke rumah tertuduh untuk mengambil telefon bimbitnya dan selepas itu, isteri kepada si mati ('SP16') telah mendengar jeritan suara lelaki. Kemudian, SP16 telah pergi ke rumah tertuduh dan mendapati si mati telah terbaring di dinding rumah dan tertuduh ketika itu memegang dua bilah pisau. SP16 juga mendapati bahawa darah mengalir di bahu si mati dengan banyak dan perut si mati terpotong. Tertuduh kemudian telah pergi ke rumah pegawai ladang ('SP9') dan memberitahu SP9 bahawa dia telah menikam kawannya dengan pisau. SP9 juga nampak tertuduh memegang dua bilah pisau pada kedua-dua tangannya. Pakar perubatan forensik ('SP5') menyatakan bahawa sebab kematian si mati adalah akibat dari luka tikaman pada jantung. Di dalam pembelaan, tertuduh mendakwa bahawa si mati telah menyerangnya dahulu dan tindakannya menyerang balik si mati adalah untuk mempertahankan dirinya kerana jika dia tidak mempertahankan dirinya, dia akan mati.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh:

(1) Mahkamah tidak bersetuju dengan hujah pendakwa raya bahawa perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati adalah terangkum di bawah s 300(c) Kanun. Mahkamah mendapati bahawa: (a) telah berlaku pergaduhan mengejut antara tertuduh dan si mati; (b) tindakan tertuduh bukan dirancang; (c) si mati yang datang ke bilik tertuduh; dan (d) tertuduh tidak bertindak secara kejam atau luar biasa selepas si mati jatuh di perkarangan luar rumah. Oleh itu, perbuatan

tertuduh yang menyebabkan kematian si mati tidak terangkum di bawah mana-mana satu cabang s 300(a), (b), (c) atau (d) Kanun dan Kecualian 4 kepada s 300 Kanun adalah terpakai. Mahkamah telah membuat penilaian maksimum ke atas semua keterangan pihak pendakwaan dan mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh bagi kesalahan di bawah s 302 Kanun tetapi telah membuktikan kes prima facie bagi kesalahan di bawah s 304(a) Kanun. Oleh itu, berdasarkan s 158 Kanun Prosedur Jenayah, mahkamah telah meminda pertuduhan di bawah s 302 Kanun kepada s 304(a) Kanun (lihat perenggan 16–19).

(2) Berdasarkan fakta dan keadaan kes, tertuduh menghadapi ancaman bahaya bencana kepada tubuh badannya dari si mati. Si mati menggunakan senjata iaitu pisau untuk menyerang tertuduh. Selain itu, si mati telah memotong perut dan tangan kiri tertuduh dengan pisau dan si mati juga dalam keadaan mabuk yang menyebabkan dia tidak dapat mengawal emosinya dan bertindak di luar kewarasan. Memandangkan tertuduh menghadapi ancaman bahaya bencana kepada tubuh badannya dari si mati, maka terdapat ketakutan yang munasabah akan bahaya bencana kepada tubuh badannya. Oleh itu, hak pertahanan persendirian terpakai kepada tertuduh dan tindakan tertuduh mempertahankan dirinya bukanlah suatu tindakan yang berlebihan. Di atas imbangan kebarangkalian, tertuduh telah berjaya membuktikan pembelaan pertahanan persendirian. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah (lihat perenggan 31–32).

[English summary

The accused was charged for the offence of murder, punishable under s 302 of the Penal Code ('the Code'). However, at the end of the prosecution's case, the court held that the prosecutor failed to establish a prima facie case under s 302 of the Code but had established a prima facie case under s 304(a) of the Code instead. At the prosecution stage, the prosecutor adduced circumstantial evidence that the deceased in this case, Nagarajan a/l Krishnan, went to the accused's house to take his mobile phone and following that, the deceased's wife ('SP16') heard a male scream. Subsequently, SP16 hurried over to the accused's house and found the deceased leaning against the house's wall and the accused was holding two knives. SP16 also saw a lot of blood oozing from the deceased's shoulder and there was a cut at the deceased's stomach. The accused then went to the farm officer's house ('SP9') and informed the latter that he had stabbed his friend with a knife. SP9 also saw the accused holding two knives. The medical forensic expert ('SP5') stated that the cause of the deceased's death was due to stab wound on his heart. In defence, the accused alleged that the deceased had attacked him first and his act of attacking back was to defence himself as failure to so would result in his death.

Held, acquitting and discharging the accused:

(1) The court did not agree with the prosecution's argument that the accused's act of causing the deceased's death fell under s 300(c) of the Code. The court found that: (a) there was a sudden fight between the deceased and the accused; (b) the accused's attack was not planned; (c) it was the deceased who came to the accused's house; and (d) the accused did not act cruelly or out of the ordinary after the deceased fell at the housing compound. Therefore, the accused's act of causing the deceased's death did not fall under any of the limbs under s 300(a), (b) and (c) or (d) of the Code and Exception 4 to s 300 of the Code was applicable. The court had exercised maximum evaluation on the prosecution's evidence and found that the prosecution failed to establish a prima facie case for the offence under s 302 of the Code but had successfully established a prima facie case for an offence under s 304(a) of the Code. Therefore, based on s 158 of the Criminal Procedure Code, the court amended the charge under s 302 of the Code to s 304(a) of the same (see paras 16–19).

(2) Based on the facts and circumstances of the case, the accused was facing a threat to his person from the deceased. The deceased had used a weapon, in the form of a knife, to attack the accused. Aside from that, the deceased had cut the accused's stomach and left hand with a knife and the deceased was intoxicated to the extent that he could not control his emotion and acted out of insanity. Since the accused was facing a threat to his person from the deceased, there was reasonable fear that there could be danger to his person. Therefore, the right of self-defence was applicable to the accused and the accused act of defending himself was not an act that was excessive. On the balance of probabilities, the accused had successfully established the defence of self-defence. The prosecution failed to established its case beyond reasonable doubt (see paras 31–32).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pertahanan persendirian, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1839.

Kes-kes yang dirujuk

PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561 (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 (diikut)
Tony ak Beliang v Pendakwa Raya [2002] MLJU 578; [2003] 1 CLJ 482 (dirujuk)
Wong Teck Choy v PP [2005] 4 MLJ 693 (dirujuk)
Ya bin Daud v PP [1997] 4 MLJ 322; [1996] 2 CLJ 40 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Tatacara Jenayah ss 112, 158, 180(1), (4), 182A(1)
Kanun Keseksaan ss 96, 97, 99, 100, 102, 300(a), (b), (c), (d), 302, 304(a)

Muhammad Shukri bin Hussain (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwa raya.
Zurina bt Sidik (Zurina & Co) bagi pihak tertuduh.

Muhd Jamil PK:

[1] Pertuduhan terhadap tertuduh Rajesh Khannah a/l Thirunathan selepas pihak pendakwaan membuat permohonan secara lisan untuk meminda perkataan 'petang' kepada 'malam' dan dibenarkan oleh mahkamah adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada tarikh 8.8.2015 jam lebih kurang 12.45 malam bertempat di rumah No 421, Ladang North Labis, di dalam daerah Segamat dalam negeri Johor, telah melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian Nagarajan a/l Krishnan (No K/P: 821024–02–5877). Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Tertuduh minta dibicarakan setelah pertuduhan dibaca dan diterangkan kepadanya. Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 19 orang saksi untuk membuktikan kes mereka.

KES PENDAKWAAN

[3] Sridevi a/p Ponnan ('SP16') adalah isteri kepada Nagarajan a/l Krishnan ('si mati'). Si mati bekerja di Ladang North Labis ('ladang tersebut') sebagai pekerja kontrak iaitu memotong buah kelapa sawit dan tinggal bersama SP16 di sebuah rumah di ladang tersebut. Tertuduh juga bekerja di ladang tersebut sebagai pekerja kontrak iaitu pemandu traktor dan tinggal di sebuah rumah di ladang tersebut. Jarak rumah si mati dengan rumah tertuduh adalah berselang dua deretan rumah. Pada malam kejadian (7 Ogos 2015) si mati memberitahu SP16 hendak mengambil semula telefon bimbit yang telah diberinya kepada tertuduh dan pergi ke rumah tertuduh. Selepas dengar jeritan suara lelaki 'amma' SP16 pergi ke rumah tertuduh, masuk ke dalam rumah dan berdiri di ruang tamu. SP16 nampak si mati terbaring di dinding rumah dan tertuduh memegang dua bilah pisau pada kedua-dua tangannya. SP16 berkata kepada tertuduh supaya melepaskan si mati. Si mati menolak tertuduh, keluar dari rumah itu dan jatuh terbaring di luar rumah. Tertuduh kemudiannya melarikan diri dengan memegang dua bilah pisau tersebut. SP16 dapati di bahu si mati darah mengalir dengan banyak dan perut si mati terpotong. Pada 8 Ogos 2015 jam 12.50 pagi tertuduh mengetuk tingkap rumah Selvadorai a/l

Perumal Samy ('SP9') pegawai ladang tersebut dan berkata dia telah bergaduh dengan kawannya dan telah menikam kawannya dengan pisau. SP9 nampak melalui tingkap yang dibukanya, tertuduh memegang dua bilah pisau pada kedua-dua tangannya, badan tertuduh penuh dengan darah dan tertuduh dalam keadaan takut dan menggigil. Selepas itu SP9 menelefon polis. Insp Hamirul bin Hadrus ('SP6') yang dimaklumkan oleh anggota pejabat pertanyaan Balai Polis Labis, Koperal Abdul Jalil bin Yaakob ('SP7') tentang kejadian pergaduhan di ladang tersebut melibatkan seorang lelaki India mengalami cedera parah telah pergi ke tempat kejadian iaitu di rumah berkembar No 421 bersama jurugambar L/Kpl Ahmad Fariq bin Khairuddin ('SP4'). SP6 dapati satu mayat terbaring bertutup plastik hitam di perkarangan rumah tersebut. Pegawai forensik Ibu Pejabat Polis Daerah Muar Insp Mohd Norhasmizan bin Arifin ('SP15') yang tiba kemudiannya telah menjalankan siasatan, mengambil sehelai *t-shirt* yang berada bersebelahan mayat si mati dan mengambil sampel darah yang terdapat di rumah tersebut dan menyerahkannya kepada SP6. Mayat si mati kemudiannya dibawa ke Hospital Segamat. Dr Emizam bin Mohamadon ('SP5') pakar perubatan forensik Hospital Melaka yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati pada 8 Ogos 2015 jam 3.04 petang di Hospital Segamat berpendapat sebab kematian si mati adalah akibat dari luka tikam pada jantung. SP5 telah mengambil beberapa sampel dari mayat si mati antaranya sampel darah dan air kencing. Spesimen air kencing dan spesimen darah si mati setelah dianalisis oleh Siti Balkiah bt Ismail ('SP18') pegawai sains Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Johor mendapati masing-masing mengandungi 201 miligram etil alkohol per 100 mililiter air kencing dan 276 miligram etil alkohol per 100 mililiter darah. Dua bilah pisau telah ditemui oleh ASP Rozaima bin Abdul Kadir ('SP10') di kawasan rumah kakitangan ladang tersebut. Aedrianee Reeza Alwi ('SP13') pegawai sains Jabatan Kimia Malaysia cawangan Johor setelah menjalankan perbandingan profil DNA mendapati profil DNA Nagarajan a/l Krishnan ('si mati') pada pisau 'RA1(1)' ('P4F(1)') dan profil DNA campuran si mati dan Rajesh Khannah ('tertuduh') pada pisau 'RA1(2)' ('P4F(2)'). Tertuduh kemudiannya telah ditangkap pada 12 Ogos 2015.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[4] Saya telah meneliti semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Saya telah menimbang dengan teliti hujahan bertulis peguambela tertuduh dan timbalan pendakwa raya ('TPR') serta meneliti otoriti-otoriti yang dirujuk. Saya telah menimbang klarifikasi daripada peguambela tertuduh dan TPR. Seperti yang diperuntukkan oleh s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan memakai prinsip yang dinyatakan dalam kes (*Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457), saya membuat penilaian maksimum ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam menentukan sama ada pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh bagi

kesalahan yang dipertuduhkan sepertimana pertuduhan. Seksyen 180(4) KTJ memperuntukkan 'bagi maksud seksyen ini, suatu kes prima facie adalah dibuat terhadap tertuduh dimana pendakwa telah mengemukakan keterangan kukuh yang membuktikan setiap satu faktor (elemen) kesalahan yang jika tidak dipatahkan atau diterangkan akan mewajarkan suatu sabitan'.

[5] Elemen-elemen kesalahan dibawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') iaitu pertuduhan yang dihadapi tertuduh yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti yang dihujahkan oleh peguambela tertuduh dan TPR iaitu empat elemen.

Elemen pertama — Si mati telah mati

[6] Adalah tidak dipertikaikan bahawa Nagarajan a/l Krishnan ('si mati') telah mati. Si mati telah mati di tempat kejadian iaitu di perkarangan rumah tersebut. SP6 yang pergi ke tempat kejadian mendapati di perkarangan rumah tersebut satu mayat terbaring bertutup plastik hitam. SP15 yang membuat siasatan di tempat kejadian mendapati satu mayat lelaki India dalam keadaan terbaring di atas rumput di hadapan rumah tersebut. Mayat si mati kemudiannya dibawa ke Hospital Segamat untuk dibuat bedah siasat. SP5 telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati di Hospital Segamat. SP16 mengecam gambar bedah siasat si mati ('P6 gambar 17').

[7] Pihak pendakwaan telah membuktikan elemen pertama iaitu si mati telah mati.

Elemen kedua — Kematian si mati akibat dari kecederaan dialaminya

[8] SP5 telah menyatakan kecederaan-kecederaan yang dialami si mati iaitu 11 kecederaan merangkumi luka tikam, luka hiris dan luka calar. Luka tikam dam luka hiris adalah disebabkan oleh objek yang tajam dan berhujung runcing. Kedua-dua pisau seperti dalam P11 gambar 7–8 mempunyai hujung yang runcing dan tajam boleh menyebabkan luka pada si mati. Antara tujuh luka tikam tersebut adalah satu luka tikam di dada kiri. Luka tikam di dada kiri yang menembusi jantung adalah 'fatal in nature'. Peluang untuk hidup adalah sangat tipis kerana melibatkan organ utama badan iaitu jantung dan sebab kematian si mati adalah akibat dari luka tikam pada jantung.

[9] Pihak pendakwaan telah membuktikan elemen kedua iaitu kematian si mati akibat dari kecederaan yang dialaminya.

Elemen ketiga — Kematian si mati disebabkan oleh perbuatan tertuduh

[10] Seperti yang dihujahkan oleh TPR, pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan untuk membuktikan elemen ketiga. Dengan itu beban yang dipikul oleh pihak pendakwaan adalah sangat berat dan keterangan itu hendaklah menunjukkan yang tidak boleh lari daripada kesimpulan bahawa tertuduh itu bersalah (*Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561).

[11] Sekarang apakah keterangan ikut keadaan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan telah dibuktikan adalah:

(a) si mati pergi ke rumah tertuduh untuk mengambil telefon bimbitnya yang telah diberi kepada tertuduh;

(b) selepas si mati pergi ke rumah tertuduh, SP16 mendengar jeritan suara lelaki 'amma';

(c) SP16 yang pergi ke rumah tertuduh mendapati si mati terbaring di dinding rumah dan tertuduh memegang dua bilah pisau pada kedua-dua tangannya;

(d) si mati keluar dari rumah tertuduh dan jatuh terbaring. Tertuduh keluar dari rumahnya dengan memegang dua bilah pisau dan berkata 'saya tidak akan lepaskan kamu tanpa membunuh kamu';

(e) tertuduh melarikan diri dari situ dengan memegang dua bilah pisau tersebut. SP16 dapati di bahu si mati darah mengalir dengan banyak dan perut si mati terpotong;

(f) tertuduh datang ke rumah SP9 dan berkata telah menikam kawannya dengan pisau. SP9 nampak tertuduh memegang dua bilah pisau pada kedua-dua tangannya; dan

(g) dua bilah pisau ('P4F(1)' dan 'P4F(2)') yang ditemui oleh SP10 di kawasan rumah kakitangan ladang tersebut setelah dibuat perbandingan profil DNA oleh SP13 mengandungi profil DNA si mati pada P4F(1) dan profil DNA campuran si mati dan tertuduh pada P4F(2).

[12] Keadaan-keadaan seperti yang dinyatakan di atas secara kumulatifnya telah membentuk satu rantaian lengkap yang tidak boleh lari daripada kesimpulan bahawa tertuduhlah yang menyebabkan kecederaan ke atas si mati yang mana kecederaan tersebut adalah seperti yang dinyatakan oleh SP5 antaranya satu luka tikam di dada kiri yang menembusi jantung dan bukannya disebabkan oleh orang lain. Keterangan SP5 menunjukkan si mati mati akibat dari luka tikam pada jantung. Kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan tertuduh yang telah mendatangkan kecederaan tersebut kepada si mati.

[13] Pihak pendakwaan telah membuktikan elemen ketiga iaitu kematian si mati disebabkan oleh perbuatan tertuduh.

Elemen keempat — Perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati dilakukan dibawah mana-mana satu cabang s 300(a), (b), (c) atau (d) KK (dengan mens rea dalam ertikata niat atau pengetahuan)

[14] TPR berhujah perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati adalah terangkum dibawah s 300(c) KK iaitu tertuduh mendatangkan kecederaan itu dengan niat dan kecederaan itu adalah mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian si mati.

[15] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan berlakunya pergaduhan mengejut (tanpa dirancang) antara tertuduh dengan si mati. SP7 menerima panggilan daripada Dhinesh a/l Murali ('SP17') yang menyatakan telah berlaku pergaduhan di ladang tersebut melibatkan seorang lelaki India mengalami kecederaan parah. Hasil siasatan pegawai penyiasat ASP Abd Rahman bin Ahmad @ Awang Ahmad ('SP9'), si mati dengan tertuduh bergaduh di dalam rumah tertuduh menggunakan dua bilah pisau. Di dalam pemeriksaan balas SP19 menyatakan si mati yang datang ke bilik tertuduh. Si mati datang ke bilik tertuduh tiga kali. Kali pertama datang si mati buat bising dan menendang pintu. Tertuduh menyuruh si mati balik. Kali kedua datang, si mati menumbuk tertuduh. Tertuduh tidak membalas dan menyuruh si mati balik. Kali ketiga datang si mati membawa sebilah pisau dan menyerang tertuduh. Si mati dalam keadaan mabuk dan tidak dapat mengawal diri. SP16 juga menyatakan bahawa si mati telah pergi ke rumah tertuduh dan si mati dalam keadaan mabuk.

[16] Dengan hormatnya saya tidak bersetuju dengan hujahan TPR bahawa perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati adalah terangkum dibawah s 300(c) KK. Berlakunya pergaduhan mengejut antara tertuduh dan si mati. Tindakan tertuduh bukan dirancang. Si mati yang datang ke bilik tertuduh. Dan tertuduh tidak bertindak secara kejam atau luar biasa selepas si mati jatuh di perkarangan luar rumah. Tertuduh tidak lagi menikam si mati selepas si mati jatuh. Perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati tidak terangkum dibawah mana-mana satu cabang s 300(a), (b), (c), atau (d) KK. Kecualian 4 kepada s 300 KK adalah terpakai. Isu hak pertahanan persendirian (*private defence*) seperti yang dihujahkan oleh peguambela tertuduh tidak timbul pada peringkat ini. Beban terletak pada tertuduh untuk membuktikan hak pertahanan persendirian di atas imbangan kebarangkalian.

[17] Pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen keempat bahawa perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati dilakukan dibawah mana-mana satu cabang s 300(a), (b), (c), atau (d) KK (dengan mens rea dalam ertikata niat atau pengetahuan).

[18] Setelah membuat penilaian maksimum ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh bagi kesalahan yang dipertuduhkan dibawah s 302 KK. Walaupun pihak pendakwaan gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh dibawah s 302 KK tetapi dari semua keterangan yang dikemukakan saya mendapati bahawa suatu kes prima facie telah dibuktikan bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh dibawah s 304(a) KK yang boleh dihukum dibawah seksyen yang sama. Menurut s 158 KTJ saya meminda pertuduhan dibawah s 302 KK kepada s 304(a) KK.

[19] Dalam meminda pertuduhan dibawah s 302 KK kepada s 304(a) KK, saya mendapati keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah boleh dipercayai (*credible*) dan telah membuktikan setiap satu elemen kesalahan bagi pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah.

[20] Pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 8 Ogos 2015 jam lebih kurang 12.50 malam di rumah No 421, Ladang North Labis, di dalam daerah Segamat di dalam negeri Johor telah melakukan perbuatan yang menyebabkan kematian Nagarajan a/l Krishnan (No KP: 821024-02-5877) dengan niat hendak menyebabkan suatu kecederaan tubuh yang mungkin menyebabkan kematiannya dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh, yang boleh dihukum dibawah seksyen 304(a) KK.
>
> Hukuman:
>
> Penjara sehingga 30 tahun dan boleh juga dikenakan denda.

[21] Saya telah membaca dan menerangkan pertuduhan yang dipinda kepada tertuduh. Tertuduh membuat pengakuan tidak bersalah. Saya telah memanggil tertuduh untuk membela diri dan membaca serta menerangkan tiga pilihan kepada tertuduh iaitu boleh memberi keterangan secara bersumpah dalam kandang saksi dimana pihak pendakwaan boleh memeriksa balas tertuduh, boleh memberi kenyataan tidak bersumpah dari kandang salah dimana pihak pendakwaan tidak boleh memeriksa balas tertuduh atau berdiam diri dimana mahkamah akan mensabitkan tertuduh. Tertuduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dalam kandang saksi. Tertuduh telah memberi keterangan atas sumpah dan tidak memanggil mana-mana saksi untuk memberi keterangan.

KES PEMBELAAN

[22] Keterangan tertuduh bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) beliau bekerja di Ladang North Labis secara kontrak dan tinggal di rumah yang disediakan majikannya di ladang tersebut dengan seorang warganegara Pakistan yang beliau panggil 'Baiya'. Si mati yang beliau panggil 'Macha' juga bekerja di ladang tersebut secara kontrak dan tinggal di rumah yang jaraknya lebih kurang 100 meter dari rumahnya. Beliau mengenali si mati lebih kurang satu bulan sebelum kejadian;

(b) pada petang hari kejadian selepas balik dari bekerja beliau ada berjumpa si mati di sebuah kedai runcit di Pekan Labis. Selepas membeli arak beliau dan si mati pergi ke rumah si mati. Mereka meminum arak. Kemudiannya mereka membeli arak lagi dan meminumnya di satu kawasan dalam ladang tersebut;

(c) selepas minum beliau bersama si mati pergi ke Pekan Labis kerana si mati mahu berjumpa dengan kawan dia. Beliau ada bercakap si mati telah mabuk semasa berjumpa dengan kawan dia. Apabila si mati membuat bising, beliau menghantar si mati balik ke rumah dia dan beliau balik ke rumahnya. Baiya ada di rumah;

(d) kemudian si mati dan kawan dia datang ke rumah beliau. Si mati mahu bergaduh dengan beliau. Si mati marah kepada beliau kerana menyatakan dia mabuk kepada kawan dia dan bercakap perkara tidak baik terhadap emak dan keluarga beliau. Beliau berkata tak baik bergaduh dan menyuruh si mati balik. Si mati dan kawan dia pun balik;

(e) si mati dan kawan dia datang semula ke rumah beliau 30 minit kemudian ketika beliau dan 'Baiya' hendak tidur dan semua lampu ditutup. Si mati mengetuk pintu depan dengan kuat dan berkata 'buka pintu, buka pintu cepat' dan menendang pintu. Selepas Baiya membuka pintu si mati dan kawan dia masuk ke dalam rumah. Si mati memukul beliau kerana dia tidak berpuashati dan mahu bergaduh. Beliau menyuruh si mati balik ke rumah dia tetapi si mati memukul, menendang dan menumbuk beliau. Beliau tidak mengambil kunci rumah yang ditanya si mati dan menyuruh si mati mencarinya di dalam bilik beliau. Si mati dan kawan dia masuk ke dalam bilik beliau. Beliau tidak tahu apa si mati buat di dalam biliknya kerana beliau berada di luar. Selepas itu si mati dan kawan dia balik;

(f) beliau masuk ke biliknya dan dapati barang-barangnya iaitu wang, rokok dan minuman arak telah diambil si mati. Si mati juga mengambil telefon bimbit dia yang disimpan beliau semasa minum arak. Beliau kemudiannya menguncikan pintu, menutup semua lampu dan tidur. Baiya lari ke rumah kawan dia dan tidur disana;

(g) selepas itu si mati dan kawan dia datang lagi ke rumah beliau, si mati menendang pintu dan cakap buka pintu serta cakap perkara tidak baik. Selepas membuka pintu, si mati memegang tangan beliau dan menarik beliau masuk ke dalam biliknya. Si mati ada memegang pisau. Si mati memotong perut dan tangan beliau selepas bertanya tentang telefon bimbit dia. Si mati menyerang beliau dahulu. Beliau menyerang balik si mati untuk mempertahankan dirinya. Beliau akan mati jika tidak mempertahankan dirinya. Beliau tidak boleh melarikan diri kerana si mati berdiri di pintu bilik. Beliau tidak perasan bahagian mana badan si mati yang dipukulnya kerana bilik adalah gelap, tidak dipasang lampu. Selepas itu kedua-dua bilah pisau berada pada tangannya, yang diambil dari si mati dan sebilah lagi dari biliknya. Kemudian si mati keluar dan jatuh di perkarangan rumahnya;

(h) beliau lari ke rumah SP9 dan memberitahu apa yang berlaku. Kedua-dua bilah pisau berada pada tangannya. Beliau dalam keadaan menggigil kerana takut telah menikam si mati. Beliau kemudiannya membuang dua bilah pisau tersebut; dan

(i) beliau ada memberi percakapannya kepada polis ('D32').

KEPUTUSAN DI AKHIR PERBICARAAN

[23] Seperti yang diperuntukkan dalam s 182A(1) KTJ, saya telah menimbang semua keterangan yang dikemukakan di hadapan saya iaitu keterangan tertuduh, penyataan tertuduh yang dirakam dibawah s 112 KTJ ('D32') dan semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes mereka melampaui keraguan yang munasabah. Saya telah menimbang dengan teliti hujahan bertulis peguambela tertuduh dan TPR serta meneliti otoriti-otoriti yang dirujuk. Saya telah menimbang klarifikasi daripada peguambela tertuduh dan TPR.

[24] Pembelaan tertuduh adalah pembelaan pertahanan persendirian (*private defence*). Daripada otoriti (*Wong Teck Choy v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 693) beban untuk membuktikan pembelaan pertahanan persendirian terletak atas tertuduh dan adalah dilepaskan (*discharged*) atas imbangan kebarangkalian.

[25] Undang-undang berkaitan hak pertahanan persendirian termaktub dalam ss 96, 97, 99, 100, dan 102 KK. Untuk memudahkan rujukan diperturunkan peruntukkan-peruntukkan tersebut. Ianya adalah seperti berikut:

Seksyen 96

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan pada menjalankan hak pertahanan persendirian.

Seksyen 97

Tiap-tiap orang ada hak, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang terkandung dalam seksyen 99, mempertahankan —

(a) Tubuhnya sendiri, dan tubuh seseorang lain, terhadap apa-apa kesalahan mengenai tubuh manusia;

(b) Hartanya sendiri atau harta seseorang lain, sama ada yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih, terhadap apa-apa perbuatan yang menjadi suatu kesalahan yang termasuk di bawah takrif kesalahan mencuri, rompak, khianat, atau pencerobohan jenayah, atau yang menjadi suatu percubaan bagi melakukan kesalahan mencuri, rompak, khianat, atau pencerobohan jenayah.

Seksyen 99

(1) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian terhadap sesuatu perbuatan yang tidak munasabah menyebabkan ketakutan mati atau cedera parah, jika perbuatan itu dilakukan, atau cuba dilakukan, oleh seseorang penjawat awam yang bertindak dengan suci hati atas kuasa jawatannya, meskipun perbuatan itu mungkin tidak diluluskan di sisi undang-undang dengan sepenuhnya.

(2) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian terhadap sesuatu perbuatan yang tidak munasabah menyebabkan ketakutan mati atau cedera parah, jika perbuatan itu dilakukan, atau cuba dilakukan, menurut arahan seseorang penjawat awam yang bertindak dengan suci hati atas kuasa jawatannya, meskipun arahan itu mungkin tidak diluluskan di sisi undang-undang dengan sepenuhnya.

(3) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian dalam hal-hal yang sempat mendapat perlindungan pihak berkuasa awam.

(4) Hak pertahanan persendirian tidaklah sekali-kali termasuk mengenakan kerosakan yang lebih daripada yang perlu dikenakan bagi maksud pertahanan.

Huraian 1 — Seseorang tidaklah terlucut hak pertahanan persendirian terhadap sesuatu perbuatan yang dilakukan, atau cuba dilakukan, oleh penjawat awam, atas sifatnya sebagai penjawat awam, melainkan jika ia ketahui, atau ada sebab mempercayai bahawa orang yang melakukan perbuatan itu adalah seorang penjawat awam yang sedemikian.

Huraian 2 — Seseorang tidaklah terlucut hak pertahanan persendirian terhadap sesuatu perbuatan yang dilakukan, atau cuba dilakukan, menurut arahan penjawat awam, atas sifatnya sebagai penjawat awam, melainkan jika ia ketahui, atau ada sebab mempercayai bahawa orang yang melakukan perbuatan itu adalah bertindak menurut arahan tersebut; atau pun melainkan jika orang itu menyatakan kuasa yang membolehkan ia bertindak atau pun sekiranya orang itu mempunyai kuasa bertulis, melainkan jika ia menunjukkan kuasa itu, apabila diminta.

Seksyen 100

Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh, di bawah sekatan-sekatan yang tersebut dalam seksyen yang terakhir di atas, adalah termasuk menyebabkan dengan sengaja kematian atau apa-apa kerosakan yang lain kepada penyerang itu, jika kesalahan yang menyebabkan hak itu dijalankan adalah dari mana-mana jenis yang disenaraikan di bawah ini:

(a) Sesuatu serangan yang munasabah menyebabkan ketakutan bahawa kematian akan berakibat dari serangan itu jika hak pertahanan tersebut tidak dijalankan;

(b) Sesuatu serangan yang munasabah menyebabkan ketakuan bahawa cedera parah akan berakibat dari serangan itu jika hak pertahanan tersebut tidak dijalankan;

(c) Sesuatu serangan dengan niat melakukan rogol;

(d) Sesuatu serangan dengan niat memuaskan nafsu luar tabii;

(e) Sesuatu serangan dengan niat mencolek atau melarikan orang;

(f) Sesuatu serangan dengan niat hendak mengurung seseorang dengan salah dalam keadaan yang munasabah menyebabkan ia takut bahawa ia tidak akan boleh dapat pertolongan pihak berkuasa awam bagi kelepasannya.

Seksyen 102

Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh bermula setelah sahaja ketakutan yang munasabah akan bahaya kepada tubuh terbit dari sesuatu percubaan atau ugutan hendak melakukan kesalahan itu, walaupun kesalahan itu tidak dilakukan; dan hak itu masih ada selagi ketakutan akan bahaya kepada tubuh itu masih ada.

[26] Dalam kes *Ya bin Daud v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 322; [1996] 2 CLJ 40 Mahkamah Tinggi menyatakan;

In the case of *Musa bin Yusof v PP* [1953] MLJ 70 the Court of Appeal held that:

> ... the law in this country gives greater latitude to a person who is attacked than does the law in England. The question in such cases is not whether there was an actual continuing danger, but whether there was a reasonable apprehension of danger. If such a condition exists, the person attacked is not obliged to retreat, but may pursue his adversary till he finds himself out of danger, and if in a conflict between them, he happens to kill, such killing is justifiable.

Whilst in the case of *Govindran Neelambaran v State of Kerala* AIR [1960] KER 258 the following passage appears in the judgment of the Court of Appeal:

> It is not necessary nor does the law require that the accused should wait till he receives a grievous injury for the purpose of exercising his right of private defence. In considering whether the accused is entitled to exercise the right of private defence, one has to place himself in the position of the accused in the midst of circumstances in which the accused stood and then form an opinion whether under the peculiar circumstances, the accused had not the apprehension

of such injuries to his body as would entitle him to exercise his right.

The Supreme Court of India made the following observations in the case of *Jai Dev v State of Punjab AIR* [1963] SC 612:

> The law of private defence does not require that the person assaulted or facing an apprehension of an assault must run away for safety.

[27] Jelas sekali seseorang yang menghadapi ancaman bahaya bencana kepada tubuh badannya tidak perlu mengundurkan diri atau mencari perlindungan terlebih dahulu sebelum hak pertahanan persendirian boleh digunakan. Malah dia diperbolehkan menggunakan segala kekerasan munasabah bagi perlindungan dirinya sehingga dirinya terkeluar daripada ancaman bahaya (*Tony ak Beliang v Pendakwa Raya* [2002] MLJU 578; [2003] 1 CLJ 482).

[28] Sekarang apakah ancaman bahaya bencana kepada tubuh badan yang dihadapi tertuduh.

[29] Si mati yang datang ke rumah tertuduh. Si mati datang ke rumah tertuduh tiga kali. Pada masa material si mati adalah dalam keadaan mabuk. SP18 menyatakan spesimen air kencing dan spesimen darah si mati yang masing-masing mengandungi 201 miligram etil alkohol per 100 mililiter air kencing dan 276 miligram etil alkohol per 100 mililiter darah adalah tinggi dan memabukkan seseorang. Pada paras ini seseorang akan mengalami penglihatan yang kabur, tidak dapat mengawal emosi, mengalami kesukaran untuk mengingati dan berjalan terhoyong-hayang, hilang kewarasan dan pertimbangan dan dalam keadaan menyerang seseorang, tidak dapat kawal emosinya dan bertindak di luar kewarasan. Juga keterangan SP19 yang berpendapat si mati dalam keadaan mabuk dan tidak dapat kawal diri.

[30] Pada kali ketiga si mati datang ke rumah tertuduh, si mati membawa pisau. Si mati memegang tangan tertuduh dan menarik tertuduh masuk ke dalam bilik tertuduh selepas tertuduh membuka pintu. Si mati memotong perut dan tangan kiri tertuduh dengan pisau selepas bertanya tentang telefon bimbitnya. Si mati yang menyerang tertuduh dahulu. Tertuduh menyerang balik si mati untuk mempertahankan dirinya. Tertuduh menyatakan beliau akan mati jika tidak mempertahankan dirinya. Dan tertuduh tidak boleh melarikan diri kerana si mati berdiri di pintu bilik. Tertuduh tidak perasan bahagian mana badan si mati yang dipukulnya kerana bilik adalah gelap, tidak dipasang lampu. Selepas itu kedua-dua bilah pisau berada pada tangannya, yang diambil dari si mati dan sebilah lagi dari biliknya. Kemudian si mati keluar dan jatuh di perkarangan rumahnya.

[31] Dari fakta dan keadaan kes ini saya mendapati bahawa tertuduh menghadapi ancaman bahaya bencana kepada tubuh badannya dari si mati dimana si mati menggunakan senjata iaitu pisau untuk menyerang tertuduh. Si mati telah memotong perut dan tangan kiri tertuduh dengan pisau. Dan fakta bahawa si mati adalah mabuk yang menyebabkan si mati tidak dapat kawal emosinya dan bertindak di luar kewarasan. Memandangkan tertuduh menghadapi ancaman bahaya bencana kepada tubuh badannya dari si mati maka terdapat ketakutan yang munasabah akan bahaya bencana kepada tubuh badannya. Berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes ini, hak pertahanan persendirian terpakai kepada tertuduh dan tindakan tertuduh mempertahankan dirinya daripada serangan si mati bukanlah suatu tindakan yang berlebihan dalam mempertahankan dirinya.

[32] Saya mendapati di atas imbangan kebarangkalian tertuduh telah berjaya membuktikan pembelaan pertahanan persendirian. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes mereka melampaui keraguan yang munasabah. Tertuduh adalah dilepas dan dibebaskan.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar